

# Hujan renyai tidak halang Dr. Mahathir berkuda

**KUALA LUMPUR** - Hujan renyai pagi semalam tidak menghalang Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada beriadah menunggang kuda di Pusat Ekuin Universiti Putra Malaysia, Serdang dekat sini.

Menerusi video yang dimuat naik di YouTube rasminya, Chedet Official, Perdana Menteri meluangkan masa selama satu jam melakukan aktiviti kegemarannya di kawasan berkenaan.

“Berkuda juga merupakan satu terapi buat saya,” katanya ringkas di laman Twitter @chedetofficial.

Dalam paparan video berdurasi hampir dua minit itu, Dr. Mahathir yang sudah lama tidak melakukan aktiviti berkuda kerana kekangan masa dilihat memakai topeng muka ekoran jerebu yang melanda.

Perdana Menteri turut kelihatan memberi makan kepada kuda yang ditunggangnya. - Bernama



**DR. MAHATHIR** menunggang kuda di Pusat Ekuin Universiti Putra Malaysia, Serdang semalam.